

Utusan Kota



SENTUHAN PUTERI

Di dalam bulan Ramadan yang mulia ini, nasib golongan yang kurang berkemampuan bukan sahaja mendapat perhatian dan simpati pihak kerajaan dan sektor swasta tetapi juga pihak istana.

Kelmarin, puteri sulung Sultan Selangor, Tengku Zatashah Sultan Sharafuddin Idris Shah mengadakan majlis berbuka puasa bersama anak-anak yatim, orang kurang upaya dan Orang Asli di Ibu Pejabat Persatuan Bulan Sabit Merah Kebangsaan (PBSM) di Kuala Lumpur.

Bendahari Kehormat PBSM Kebangsaan, Fatimah Sulaiman menyifatkan majlis itu sebagai sangat istimewa kerana buat pertama kalinya Tengku Zatashah yang juga Penasihat PBSM cawangan Selangor menghadirinya.

Tengku Zatashah turut menyampaikan pelbagai barangan keperluan kepada wakil-wakil rumah kebajikan di sekitar Selangor dan Wilayah Persekutuan.

Turut hadir suami Tengku Zatashah, Aubry Rahim Mennesson dan Pengerusi PBSM cawangan Gombak, Datuk Saidin Thamby.

■ **TENGGU** Zatashah Sultan Sharafuddin Idris Shah (kiri) bermesra bersama anak-anak yatim yang hadir sambil diperhatikan oleh Aubry Rahim Mennesson (dua dari kiri) pada majlis berbuka puasa yang dianjurkan oleh Persatuan Bulan Sabit Merah Malaysia di Kuala Lumpur, kelmarin. - UTUSAN/AZRUL EDHAM MOHD. AMINUDDIN

Naik bas berebut-rebut punca kejadian berleluasa di Hentian Pekeliling

Syurga penyeduk saku